



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA

## SIARAN MEDIA

### **NARATIF VISI: SEMINAR KEFAHAMAN MALAYSIA MADANI**

---

**Kluang, Johor, 30 April 2026** – Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Kampus Wilayah Selatan (IKWAS) dengan kerjasama strategik Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), Akademi Kenegaraan Malaysia dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) telah menganjurkan Naratif Visi: Seminar Kefahaman Malaysia MADANI, bertempat di Dewan Jemerlang, IKWAS hari ini.

Seminar ini menampilkan sesi dialog bersama YB Senator Dr. Zulkifli bin Hasan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) serta barisan panel yang terdiri daripada Pengarah INTAN, YBhg. Datuk Dr. Mohd Zabri bin Yusoff; Ketua Pengarah Akademi Kenegaraan Malaysia, Dato' Dr. Roslan bin Hussin; Presiden WADAH, Datuk Ahmad Azam Ab. Rahman; Ketua Pegawai Eksekutif YADIM, Tuan Haji Zamri Zainal Abidin; dan Tokoh Kepimpinan Guru Negeri Johor 2025, Dr. Suhaimi Ismail.

### **DARI FAHAM KE AMAL: MENTERJEMAH MALAYSIA MADANI**

YBhg. Tan Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, dalam ucapannya menegaskan bahawa seminar ini menjadi platform penting untuk membina kefahaman strategik dan transformatif terhadap konsep Malaysia MADANI, sekali gus menghidupkannya sebagai budaya kerja dan cara berfikir dalam kalangan penjawat awam.

Seminar ini turut menekankan keperluan untuk memperkukuh kefahaman terhadap dasar sedia ada, berbanding memperkenalkan dasar baharu. Berteraskan enam nilai utama Malaysia MADANI, iaitu Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan, program ini dilihat sebagai panduan menyeluruh dalam pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Pendekatan Malaysia MADANI diyakini sebagai landasan kukuh dalam memastikan setiap dasar dilaksanakan secara berhemah, bersasar dan memberi impak langsung kepada rakyat. Ia turut mencerminkan keupayaan kerajaan untuk bertindak secara proaktif dan strategik dalam menghadapi cabaran global.

Pada masa yang sama, penjawat awam diseru untuk beralih daripada pendekatan berasaskan pematuhan semata-mata kepada pendekatan berasaskan impak bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar di samping hadir bekerja dengan tujuan untuk memperbaiki kehidupan rakyat.

## **KOLABORASI PENGANJURAN SEBAGAI MANIFESTASI PENDEKATAN KESELURUHAN KERAJAAN**

Penglibatan empat institusi utama dalam penganjuran seminar ini mencerminkan keutuhan pendekatan keseluruhan kerajaan dalam pelaksanaan inisiatif kerajaan khususnya bagi meningkatkan kefahaman tentang Malaysia MADANI. **WADAH** memfokuskan kepada pembinaan pemikiran, **Akademi Kenegaraan Malaysia** kepada pembentukan jati diri, **YADIM** memandu tindakan dengan nilai dan akhlak, manakala **INTAN** memperkukuh pemahaman dan penghayatan Malaysia MADANI dalam kalangan penjawat awam melalui latihan berstruktur, pembelajaran berterusan serta aplikasi nilai dalam pelaksanaan dasar dan penyampaian perkhidmatan di lapangan.

Sesungguhnya seminar ini bukan sahaja menjadi platform perkongsian ilmu, malah ruang untuk penjawat awam menghayati dan menterjemahkan aspirasi Malaysia MADANI dalam bentuk tindakan yang memberi manfaat nyata kepada kumpulan sasaran.

####

### **Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)**

Tarikh : 30 April 2026  
E-Mel : korporat@intanbk.intan.my / uka@intanbk.intan.my  
No. Rujukan : INTAN.100-9/1/1 (10)